

Sinar 10/05/2010 M/S 28

Tebing mendap ancam nyawa peniaga


KAJANG – Peniaga di deretan gerai makan di Lorong Mendaling dekat sini bimbang ketika menjalankan perniagaan mereka setiap hari berikutan runtuh tebing di belakang gerai semakin kritikal.

Tinjauan Sinar Harian mendapati, tebing sungai itu mengalami hakisan sungai yang teruk sehingga berlakunya runtuh dan ia boleh mengundang bahaya kepada gerai makanan berhampiran.

Bahagian bawah tanah dipercayai mengalami hakisan yang teruk sehingga ia menjadi satu lubang dan keadaan itu lebih membimbangkan peniaga sekitar malah lantai di bahagian belakang gerai tidak lagi rata serta mendap ke bawah.

Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Ong Seng Peng berkata, pihaknya ada menerima aduan daripada peniaga gerai makanan itu dan runtuh tersebut adalah di bawah penyenggaraan tebing sungai.

“Pada 19 Ogos tahun lalu, aduan berkaitan runtuh tebing di Lorong Mendaling itu telah dibangkitkan dalam



● Tebing sungai yang mengalami hakisan teruk dan perlu dibaik pulih.



● Lubang yang terhasil apabila bahagian bawah tanah terhakis.

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Infrastruktur dan Lalu Lintas Jabatan Pengairan dan Saliran menyatakan tidak mempunyai bajet.

“Runtuh tebing itu berlaku dipercayai disebabkan penambahan struktur di bahagian belakang gerai makanan itu dan tebing sungai semakin terhakis se-

tiap hari,” katanya kepada Sinar Harian ketika dihubungi petang semalam.

Seng Peng berkata, sepatutnya di bahagian belakang gerai makanan itu mempunyai lorong bagi memudahkan laluan keluar masuk tetapi selepas penambahan struktur kini ia langsung tidak boleh dilalui.

Jurutera Daerah JPS Daerah Hulu Langat, Ir Mohd Nazri Yasmin berkata, JPS kini sedang menyiapkan kerja reka bentuk bagi pembaikan dan penstabilan semula tebing sungai.

“Mengikut jangkaan, kerja pembaikan tebing sungai akan dimulakan pada bulan April atau Mei dan ia melibatkan peruntukan

anggaran di bawah kos RM400,000 dan ia sedang dipohon melalui Kerajaan Negeri.

“Runtuh tebing itu adalah rizab sungai dan dipercayai runtuh berlaku berpunca daripada hakisan sungai. Aduan telah diterima pada bulan Disember 2009 melalui mesyuarat Infra MPKj dan siasatan

awal dilakukan pada Januari,” katanya kepada Sinar Harian ketika dihubungi.

Nazri berkata, kerja pembaikan dan penstabilan sungai akan dilakukan sepanjang tebing malah kerjasama daripada MPKj juga diperlukan bagi memudahkan kerja pembaikan yang dilaksanakan.